

MAJLIS PEMAKAIAN PANGKAT BAHAGIAN MATERIEL

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4286-majlis-pemakaian-pangkat-bahagian-materiel

KUALA LUMPUR, 24 Dis 18 – Satu majlis pemakaian pangkat Bahagian Materiel, Markas Tentera Udara telah disempurnakan oleh Asisten Ketua Staf (AKS) Materiel, Brig Jen Dato' Dr Mohd Yunus bin Masjuki TUDM bertempat di Pejabat SISMAT.

Dalam majlis tersebut menyaksikan Lt M Nading Ak Ungom TUDM telah dinaikkan ke pangkat Lt TUDM mulai 16 Dis 18 manakala Sjn U Ahmad Nazri bin Azmi dinaikkan ke pangkat Pemangku FSjn mulai 1 Okt 18.

Dalam ucapan AKS Materiel, beliau mengucapkan tahniah kepada pegawai dan anggota yang dinaikkan pangkat dan berharap dengan kenaikan pangkat ini akan menjadi dorongan kepada pegawai dan anggota agar lebih cemerlang dalam menjalankan tugas.

